

Pesaka khuatir keadaan Abdullah

3. Harian (M)

21 APR 1987

KECEDERAAN ahli silat negara, Abdullah Muhammed yang diharap menggon-
dol pingat emas Sukan SEA di Jakarta SepetMBER ini begitu membimbangkan
Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka).

Abdullah mengalami kecederaan di tangan ketika bertarung untuk membantu
negara memperolehi pingat gangsa dalam Pesta Silat Antarabangsa di Vienna,
Austria tahun lalu.

Abdullah, Olahragawan Kelantan 1986, masih belum cergas ketika ini.

Penolong setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, berkata pihaknya sudah men-
garahkan Abdullah supaya lebih berhati-hati dalam latihan di Kota Bharu.

"Kami bimbang dengan kecederaannya itu, kerana dia adalah salah seorang
pesilat yang diharapkan memungut pingat emas dalam ketogori B di Jakarta
nanti," ujarnya.

Seorang lagi rakanya, Mohammed Fauzi dari Persatuan Silat Gayong Malay-
sia turut jadi perhatian untuk membawa pulang pingat emas. Beliau juga me-

menangi pingat gangsa
di Pesta Silat Antara-
bangsa tahun lalu.

Abdullah, 21, kini men-
jalani latihan di gelang-
gang Silat Terlak Em-
pat, di gelanggang yang
terletak di belakang Ho-
spital Besar Kota Bharu
di bawah perhatian gur-
unya, Pak Su Noor.

Sulaiman memberi-
tahu, latihan pusat untuk
persiapan Sukan SEA
terpaksa ditunda pada 10
Jun ini.

Katanya, ini bagi men-
gelakkan latihan itu ber-
jalan dalam bulan puasa
dan memberi peluang
kepada 30 peserta yang
dipilih menjalani latihan
secara persendirian di
bawah bimbingan guru
masing-masing.

"Latihan pusat di
Kuala Lumpur itu akan
berterusan hingga men-
jelang Sukan SEA dan
seramai 15 peserta ter-
masuk lima peserta
wanita akan dipilih
nanti," jelasnya.

24 sertai
final
tandingan
silat

gayung
22 APR 1987

SERAMAI 24 peserta,
termasuk kanak-kanak,
akan bertanding dalam
pusingan akhir Pertan-
dangan Silat Seni Gay-
yung Olahraga anjuran
Seksi Seni Budaya Me-
layu dan Seksi Seni Si-
lat Gayung Balai Rak-
yats Yio Chu Kang pada
2.30 petang Ahad ini.

Pusingan akhir peradu-
an yang pertama kali di-
anjurkan oleh balai rakyat
itu dibahagikan kepada 12
peringkat, yang dikhusus-
kan kepada bahagian de-
wasa, wanita dan kanak-
kanak.

Menurut Pegawai Pe-
rancang balai rakyat itu,
Cik Maznah Samsudin,
pusingan awal yang dimu-
lakan pada 29 Mac lalu
menarik seramai 98 orang
peserta dari balai-balai
rakyat dan persatuan-per-
satuan yang menjalankan
kelas seni silat gayung.

Dipimpin

Di antara peserta-peser-
ta itu ialah enam orang
kanak-kanak yang berusia
empat setengah tahun. Me-
nurut Cik Maznah, kanak-
kanak itu adalah murid-
murid tadika balai rakyat
tersebut yang juga me-
nyertai kelas silat gayung
yang dijalankan di situ se-
jak tiga tahun lalu.

Kelas silat yang diikti-
raf oleh Persatuan Rakyat
itu dipimpin oleh Encik
Sulaiman Wakijo dengan
seramai 37 orang peserta,
termasuk 12 orang wanita
dan 10 orang kanak-kanak.

Cik Maznah, bagaimana-
pun, berkata pertandingan
tersebut kurang menerima
sambutan daripada peser-
ta wanita. Hanya seramai
empat orang peserta wani-
ta akan bertanding dalam
pusingan akhir.

Menurut beliau lagi, per-
tandingan itu akan diada-
kan setiap tahun atau dua
tahun sekali, bergantung
pada keadaan kewangan.

Oleh kerana terdapat
peserta bukan Melayu
yang kini melibatkan diri
dalam seni silat di bebera-
pa balai rakyat, pihaknya
juga akan menggalakkan
mereka mengambil baha-
gian dalam pertandingan